

# Takut Ubah Imej Punca Tolak PLKN

Remaja-remaja yang membawa budaya popular seperti *hip hop* dan *skaters* bimbang imej mereka akan cair bila menyertai Program Khidmat Negara

Oleh AZMAN IBRAHIM

**S**TATISTIK 10,000 remaja berumur 17 dan 18 tahun yang gagal menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) untuk sesi pertama tahun ini adalah sesuatu yang mengejutkan. Angka tersebut terlalu besar berbanding jumlah 85,000 peserta keseluruhan yang terpilih dalam program itu tahun ini. Kenapa mereka enggan ke PLKN telah menjadi isu dan kupasan hangat media-media tempatan. Malah, kedegilan kumpulan ini sedikit sebanyak menjadi bahan sindiran media-media asing dan ini boleh menjejaskan imej negara.

Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN), Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri menyalahkan ibu bapa sebagai punca remaja terbabit tidak menghadiri PLKN walaupun mereka dikatakan berminat berbuat demikian.

"Ibu bapa mempengaruhi anak mereka supaya tidak menyertai PLKN kerana mereka memandang ringan serta mempunyai andaian kononnya PLKN bukan perkara penting," kata beliau.

Namun menurut sumber MASSA, terdapat satu lagi punca yang agak menarik, mengapa mereka enggan mengikuti program berkenaan. Remaja-remaja di bandar misalnya, didakwa tidak mahu mengikuti PLKN semata-mata khuatir imej budaya popular yang mereka ikuti akan terhakis atau terpaksa dibuang jika menyertai program yang dianggap ala tentera itu.

Remaja bandar yang membawa imej Barat seperti *hip hop*, *skaters*, *punk*, *black metal*, *rock*, *grunge* atau budaya kampung seperti 'mat rempit' dan pelbagai budaya popular lain, berasa khuatir sekiranya imej mereka terpaksa diubah sekiranya menyertai PLKN.

Pakaian, gaya rambut, cara bertutur juga dikhuatiri akan mengubah identiti diri mereka dengan serta-merta. Mungkin perubahan ini dianggap sebagai menjatuhkan maruah diri terutamanya apabila berhadapan dengan rakan-rakan seangkatan yang lain. Mungkin mereka malu untuk digelar sebagai 'mat skema' atau 'budak sivik' di kalangan rakan-rakan.



Remaja dan ibu bapa masih belum jelas konsep sebenar PLKN menyebabkan program itu tidak popular.

Sumber MASSA juga memberitahu bahawa remaja berkenaan bukannya menganggap PLKN sebagai sesuatu yang dahsyat dan menyeksakan tetapi mereka hanya beranggapan program berkenaan tidak menepati jiwa budaya popular yang dibawa oleh mereka dan rakan-rakan sebaya yang lain. Malah, ada di antara mereka yang tidak sabar-sabar untuk menamatkan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) semata-mata untuk turun melepak bersama rakan-rakan di kompleks membeli-belah di samping gaya budaya popular yang dibawa mereka. Inilah penangan maut yang dibawa dari Barat kepada remaja-remaja kita.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim berpendapat ibu bapa dan remaja sebenarnya masih belum jelas dengan konsep sebenar PLKN. Para remaja seharusnya dijelaskan dengan maklumat-maklumat yang tepat mengenai program berkenaan. Ini kerana program tersebut bukannya berkonsepkan ketenteraan semata-mata, sebaliknya merangkumi pelbagai program menarik yang secara tidak langsung berupaya membentuk sahsiah remaja itu sendiri.

"Dasar ini baru dan kali pertama diadakan pada tahun ini, jadi kita tidak dapat menafikan bahawa terdapat kelemahan-kelemahan kecil sepanjang pelaksanaan program berkenaan.

"PLKN perlu digambarkan sebagai

sesuatu yang menarik kepada golongan remaja. Malah, mereka perlu dijelaskan bahawa tidak ada langsung perkara yang boleh merisaukan mereka ketika berada di dalam program berkenaan," ujarnya kepada MASSA.

Pensyarah Psikologi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Madya Asmah Bee Md. Noor bagaimanapun berkata, faktor budaya popular sebenarnya bukan merupakan punca utama kepada 10,000 remaja berkenaan enggan untuk memasuki PLKN. Berdasarkan maklum balas para peserta PLKN di UUM sendiri baru-baru ini, kebanyakan remaja yang mempunyai pelbagai latar belakang kelihatan seronok dengan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan di sana.

Paling menarik, para peserta yang pernah membawa imej budaya popular ini juga kelihatan semakin baik dan berasa selesa dengan keadaan berambut pendek di samping kehidupan yang lebih berdisiplin di sepanjang program tersebut berlangsung.

"Saya yakin PLKN banyak meninggalkan kesan kepada remaja. Pada peringkat awal program ini, para peserta kelihatan lebih gemar untuk bergaul dengan rakan-rakan daripada kaum yang sama. Namun, ia menampakkan perubahan ketara pada saat-saat akhir program ini apabila hubungan antara kaum didapati semakin baik dan tidak langsung menunjukkan perbezaan antara mereka," katanya. □

YOUTH - Programs /  
Activity  
p. 16